

82% responden puas hati hala tuju negara di bawah Kerajaan Perpaduan

# Inisiatif Ekonomi Madani diterima rakyat

Oleh **ASLINDA NASIR**  
aslinda.nasif@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Inisiatif Ekonomi Madani yang diperkenalkan Kerajaan Perpaduan adalah elemen yang paling diterima rakyat berdasarkan kajian dilakukan kepada pakar akademik dan dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dapatan itu diperoleh berdasarkan kaji selidik dikendalikan Universiti Utara Malaysia (UUM) bertajuk 'Inisiatif Madani: Penerimaan Rakyat' dalam tempoh 34 hari bermula 1 November 2023 hingga 4 Disember 2023.

Sebanyak 82 peratus responden yang mengambil bahagian dalam kaji selidik 'menyokong dan menerima baik 30 Inisiatif

Ekonomi Madani yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak beliau menjawat jawatan itu pada 24 November tahun lalu.

Seramai 4,606 responden dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata daripada sejumlah 21,473,409 pengundi berdaftar yang diwartakan pada 3 Oktober 2023 me-

rangkumi semua kaum, jantina dan peringkat umur di semua 222 Parlimen di 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan.

Mereka dihubungi secara dalam talian menggunakan WhatsApp dan Telegram serta melalui panggilan telefon) atau ditemu bual secara tatap muka.

**Bersambung di muka 3**

# Inisiatif Ekonomi Madani diterima rakyat

## Dari muka 1

UUM dalam kenyataan berkata kajian oleh sekumpulan penyelidik dari institusi berkenaan dan dua NGO mendapati inisiatif paling mendapat sokongan ialah usaha Kerajaan Perpaduan membantu golongan memerlukan, khususnya golongan miskin.


“Antaranya inisiatif mendorong Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) menyumbang RM60 juta kepada pesawah miskin mendapat 96 peratus sokongan berbanding dua peratus bantah, manakala inisiatif menoktahkan miskin tegar pula mendapat 93 peratus sokongan berbanding tiga peratus bantahan.

“Turut diterima tinggi responden inisiatif pemberian sumbangan tambahan RM600 kepada isi rumah penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) termiskin 93 peratus sokongan berbanding empat peratus bantahan,” menurut kajian itu.

Bagi Konsep Payung Rahmah, termasuk Inisiatif Menu Rahmah serta Jualan Rahmah mendapat 92 peratus sokongan berbanding empat peratus membantah.

Selain itu, aspek Inisiatif Ekonomi Madani yang paling mendapat sokongan ialah usaha

Mendorong BERNAS menyumbang RM60 juta kepada para pesawah miskin




Kerajaan Perpaduan memerangi rasuah dengan penerimaan tinggi terhadap langkah kerajaan memperkenalkan Rang Undang-Undang Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal.

Langkah yang mendapat 94 peratus sokongan berbanding dua peratus bantahan itu diyakini dapat menjamin kebijakan ekonomi lebih telus dan bertanggungjawab.

Turut mendapat sokongan inisiatif kerajaan memperkenalkan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan untuk menjamin supaya tidak boleh sewenang-wenangnya berlaku pembaziran wang rakyat dan pelanggaran hukum yang mendapat 94 peratus sokongan berbanding dua peratus bantahan.

Bagi inisiatif melaksanakan

Menangani isu-isu rakyat



reformasi institusi dan tatakelola baik bagi menghapus segala ruang yang boleh mewujudkan amalan rasuah pula, mendapat 93 peratus sokongan berbanding empat peratus bantahan.

Selain itu, didapati 83 peratus responden berpuas hati dengan kejelasan hala tuju dasar-dasar ekonomi di bawah konsep Malaysia Madani berbanding tujuh peratus tidak puas hati.

“Sebanyak 78 peratus responden juga menyatakan keyakinan Inisiatif Ekonomi Madani mampu membawa ekonomi Malaysia menjadi lebih kuat dan 66 peratus responden turut menyatakan kepuasan hati mereka dengan prestasi Perdana Menteri menguruskan ekonomi Malaysia,”

lapor kajian itu.

Dapatan kajian tersebut sekali gus menepis bahawa dasar ekonomi di bawah konsep Malaysia Madani tiada hala tuju selain menolak tanggapan ramai rakyat tidak berpuas hati dengan usaha kerajaan membantu golongan memerlukan, memerangi rasuah dan menjana ekonomi. Menerusi kaji selidik tersebut hampir semua Inisiatif Ekonomi Madani mendapat markah A.

Secara spesifiknya, 11 Inisiatif Ekonomi Madani mendapat markah A+ (90-100), 13 inisiatif markah A (80-89), 2 inisiatif markah A- (75-79), 1 inisiatif markah C- (45-49), 1 inisiatif markah D+ (40-44), 1 inisiatif markah D (35-39) dan 1 inisiatif mendapat markah F (0-34).